

Berita Harian November 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
1.	Rabu, 1 November 2017	Projek ikut jadual, kos ditetapkan jadi KPI	KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa
2.	Khamis, 2 November 2017	Pembantu tadbir didakwa tipu dokumen	Mohd Hizamddin Jaafar
3.	Jumaat, 3 November 2017	2 hadapi 235 pertuduhan curi tambah nilai Touch n'Go	Jabatan Audit Negara
4.	Isnin, 6 November 2017	Pulau Pinang dijangka dapat projek mitigasi banjir RM1b	Penasihat Khas Perdana Menteri bagi Wilayah Koridor Utara (NCER), Datuk Seri Zainal Abidin Osman
5.	Isnin, 6 November 2017	Perkemas SOP elak penyalahgunaan dana berulang	Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff
6.	Selasa, 7 November 2017	Banjir: RM9.3 juta bantu pesawah terjejas di Pulau Pinang, Kedah	MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek
7.	Selasa, 7 November 2017	RM2.2 bilion tingkat kualiti bekalan elektrik Sabah	Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili
8.	Rabu, 8 November 2017	Projek tebatan banjir Pulau Pinang dikaji rapi	Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar
9.	Isnin, 13 November 2017	ECRL ubah sosioekonomi Pantai Timur	Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak
10.	Rabu, 15 November 2017	PAC syor geran kepada Agrobank	Pengerusi PAC, Datuk Seri Hasan Ariffin
11.	Rabu, 15 November 2017	Kaji semula cadangan hartanah bernilai RM6 billion	Presidennya, Abdul Razak Md Hassan
12.	Rabu, 15 November 2017	Konsesi ERL dilanjut 30 tahun	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
13.	Khamis, 16 November 2017	PAC syor kementerian pantau penyelenggaraan lebih ketat	PENGERUSI Jawatan Kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Hasan Arifin
14.	Sabtu, 18 November 2017	RM2.6b untuk 6 pakej Pan Borneo Sabah - PM	Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak
15.	Rabu, 22 November 2017	Tender terbuka bina SMKA - PAC	PENGERUSI PAC, Datuk Seri Hasan Arifin.
16.	Khamis, 23 November 2017	'Contohi dasar tolak rasuah Prasarana'	PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff
17.	Ahad, 26 November 2017	Isu lesen antara punca utama rasuah	KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad
18.	Isnin, 27 November 2017	Audit: Unsur penipuan perolehan Lembaga Pelabuhan Bintulu	Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2
19.	Isnin, 27 November 2017	Prestasi kewangan Kedah memuaskan	Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2
20.	Isnin, 27 November 2017	Prestasi kewangan Perlis kurang memuaskan	Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016
21.	Isnin, 27 November 2017	Prestasi kewangan ASPA kurang memuaskan	Laporan Ketua Audit Negara Siri 2
22.	Isnin, 27 November 2017	Prestasi kewangan Negeri Sembilan memuaskan	Laporan Ketua Audit Negara 2016
23.	Isnin, 27 November 2017	Jabatan Perhutanan Pahang ditegur	Laporan Ketua Audit Negara Siri 2
24.	Isnin, 27 November 2017	KBS, KKLW perlu 'menghadap' PAC	Pengerusi PAC, Datuk Seri Hasan Arifin

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
25.	Isnin, 27 November 2017	Audit: 3 agensi Kedah ditegur	Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016 Siri 2
26.	Isnin, 27 November 2017	Kedudukan kewangan kerajaan Sabah baik	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2
27.	Isnin, 27 November 2017	Audit: Tiada kajian pasaran bagi peralatan penyelamat	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2
28.	Isnin, 27 November 2017	Audit: Pengurusan memuaskan, bayaran mengecewakan	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2
29.	Isnin, 27 November 2017	Audit: Kadar produktiviti buruh lebih tinggi daripada sasaran	Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak
30.	Isnin, 27 November 2017	Audit: Wujud kelemahan pengurusan projek RUMAWIP	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2
31.	Isnin, 27 November 2017	240 syor Laporan Audit Negara 2016 Siri 2	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2016 Siri 2
32.	Selasa, 28 November 2017	Audit: Prestasi kewangan, tadbir urus TVAH kurang memuaskan	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2
33.	Selasa, 28 November 2017	Audit: Prestasi kewangan THTS baik, pengurusan penghutang kurang cekap	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2016 Siri 2
34.	Selasa, 28 November 2017	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedia disiasat	MENTERI Pertanian dan Sumber Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek
35.	Khamis, 30 November 2017	Kerugian forex RM31.5b halang ekonomi berkembang	Bank Negara Malaysia (BNM)
36.	Khamis, 30 November 2017	Khaled akan jawab dakwaan rasuah dalam sesi penggulungan	Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin,



KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berucap pada majlis Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2017 di Dewan Sri Siantan Perbadanan Putrajaya hari ini.

1. Projek ikut jadual, kos ditetapkan jadi KPI

PUTRAJAYA: Bermula tahun depan, pelaksanaan projek kerajaan mengikut jadual dan kos yang ditetapkan akan menjadi sebahagian daripada petunjuk prestasi utama (KPI) bagi semua ketua setiausaha kementerian (KSU).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata ia bagi memastikan rakyat memperoleh faedah secara langsung daripada janji kerajaan terutama melalui Bajet 2018.

"Saya sudah memberikan komitmen kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) dan rakyat bahawa penjawat awam keseluruhan akan melaksanakan dengan segera Bajet 2018 tanpa kepincangan," katanya ketika berucap merasmikan Hari Inovasi dan Kecemerlangan (HIK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2017 di sini, hari ini.

Ali berkata, Bajet 2018 adalah yang paling inklusif, komprehensif dan bertanggungjawab kerana menyediakan insentif serta program khusus bagi memenuhi keperluan segenap lapisan masyarakat.

Katanya, walaupun berdepan dengan cabaran di luar kawalan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan tetap memastikan kesejahteraan rakyat terjamin dan konsolidasi fiskal kekal mengikut perancangan.

"Saya dengar daripada pelbagai pihak, baik penjawat awam, pesara, sektor swasta mahu pun golongan muda, semuanya positif menerima baik bajet ini.

"Sememangnya senang untuk pihak tertentu mencadangkan bajet alternatif dengan pelbagai 'goodies' atau habuan kepada rakyat, tetapi kalau kita berfikir secara mendalam, manalah mungkin pihak ini boleh menunaikan apa yang dicanang-canangkan," katanya.

Ali berkata, bagi menghadapi norma baharu dan Revolusi 4.0 secara khusus, kerajaan memperkenalkan beberapa pendekatan baharu dari segi keupayaan penjawat awam dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Antaranya, pemilihan pegawai untuk mengikuti program 'Fast Track' tanpa mengira usia, pengisian jawatan strategik secara panel temu duga dan penggunaan pengkomputeran awan untuk platform teknologi komunikasi maklumat kerajaan.

Sempena HIK JPM 2017, enam kategori dipertandingkan iaitu Pertandingan Mencipta Montaj HIK 2017, Anugerah Pencapaian Sukan dan Sosial 2016, Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPM 2017, Anugerah Pengurusan Inovasi JPM (AIJPM) 2016, Anugerah Pengurusan 2016 dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang.

2. Pembantu tadbir didakwa tipu dokumen

KUALA LUMPUR: Seorang pegawai tadbir didakwa di Mahkamah Majistret di sini, hari ini, atas dua tuduhan menggunakan dokumen palsu untuk menipu ketua pegawai eksekutif sebuah akademi sains berhubung satu program, Februari lalu.

Tertuduh, Mohd Hizamddin Jaafar, 43, dari sebuah kesatuan sains, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan selesai dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Siti Radziah Kamarudin.

Berdasarkan kertas pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menggunakan satu dokumen sebagai tulen iaitu surat permohonan wang pendahuluan untuk program "7th Meeting Steering Group on Natural Hazards & Risk 24-30 March 2017, Kuala Lumpur".

Dokumen itu tertera nama organisasi International Council For Science Regional Office For Asia And Pacific, iaitu tertuduh mengetahui tandatangan ketua pegawai eksekutif kesatuan, Tengku Sharizad Tengku Chik, 49, di dalam dokumen itu adalah palsu dan digunakan untuk tujuan penipuan.

Perbuatan itu, mendorong ketua pegawai eksekutif akademi itu, Hazami Habib, 51, meluluskan permohonan itu dan memasukkan wang sebanyak RM21,420 ke dalam akaun CIMB miliknya.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan, yang boleh dihukum bawah Seksyen 468 Kanun sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan hendaklah didenda.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menipu Hazami dengan memperdayakannya untuk dipercayai Tengku Sharizad mengeluarkan surat permohonan sama, dan mendorong Hazami meluluskan permohonan untuk memasukkan wang terbabit.

Pendakwaan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara maksimum 10 tahun dan sebat dan boleh didenda.

Semua kesalahan itu dilakukan, di tingkat 20, bangunan MATRADE Jalan Sultan Ahmad Shah Off Jalan Tengku Abdul Halim, di sini, pada 13 Februari lalu.

Mahkamah membenarkan tertuduh yang diwakili peguam Adenan Ismail diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin.

Sebutan semula kes ditetapkan, pada 12 Disember depan.



DUA pembantu tadbir Jabatan Audit Negara Normaidzatulaqma Iskandar dan Farizah Nekmat (kanan), dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini atas 253 pertuduhan kerana kesalahan mencuri tambah nilai Touch n' Go berjumlah RM17,813 sejak Disember 2016 hingga April lalu.

3. 2 hadapi 235 pertuduhan curi tambah nilai Touch n'Go

PUTRAJAYA: Dua pembantu tadbir Jabatan Audit Negara dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas 235 pertuduhan kerana mencuri tambah nilai Touch n' Go berjumlah RM17,813 sejak Disember 2016 hingga April lalu.

Tertuduh pertama, Normaidzatulaqma Iskandar, 37, yang berdepan dengan 69 pertuduhan, didapati melakukan kesalahan itu pada 5 Disember 2016 hingga 24 April tahun ini di Aras 2, Cawangan Pentadbiran Sektor Pengurusan JAN, Presint 2, Putrajaya.

Tertuduh kedua pula, Farizah Nekmat, 37, berdepan 166 pertuduhan yang sama dilakukan pada 2 Februari hingga 24 April tahun ini.

Berdasarkan kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh didapati melakukan kesalahan itu pada waktu pejabat dan luar waktu pejabat, selain pada hari minggu dan cuti umum pada waktu awal pagi hingga lewat tengah malam di pejabat berkenaan.

Mereka didapati memasukkan wang antara RM1 hingga RM100, masing-masing menggunakan tujuh keping kad Touch n' Go menerusi pos terminal tambah nilai.

Berikutan itu, mereka didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan hukuman penjara selama 10 tahun dan denda, dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya boleh dipenjarakan dan didenda atau disebat.

Bagaimanapun, kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam, mengaku tidak bersalah dan mohon supaya dibicarakan.

Majistret Azizah Ahmad, kemudian menetapkan Normaidzatulqama dikenakan wang jaminan sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin dan perlu melaporkan diri di balai polis terdekat pada setiap 1 hari bulan sehingga kes selesai selain menyerahkan pasport.

Farizah pula dikenakan wang jaminan sebanyak RM14,000 dengan seorang penjamin dan perlu melaporkan diri di balai polis terdekat pada setiap 1 haribulan sehingga kes selesai selain menyerahkan pasport.

Azizah turut menetapkan kes berkenaan disebut semula pada 5 Disember, dan akan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Izzat Fauzan.

Terdahulu, Muhammad Izzat memohon mahkamah mengenakan wang jaminan sebanyak RM5,000 bagi setiap pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh bagi menjamin kehadiran tertuduh di mahkamah.

Sementara itu, tertuduh pertama, Normaidzatulqama dalam rayuannya berkata, dia memohon kepada mahkamah mengenakan satu jaminan untuk semua pertuduhan kerana terpaksa menjaga tiga anak dan ibunya yang tinggal bersama.

Dalam pada itu, Farizah, yang juga ibu tunggal, meminta mahkamah turut mengenakan satu jaminan bagi kesemua pertuduhan kerana terpaksa menanggung empat anak berusia antara 8 hingga 18 tahun yang masih bersekolah selain menjaga ibunya yang sudah pencen serta menanggung hutang bekas suami.



DATUK Seri Zainal Abidin Osman.

4. Pulau Pinang dijangka dapat projek mitigasi banjir RM1b

GEORGETOWN: Pulau Pinang dijangka menerima pelan mitigasi banjir yang khusus bernilai RM1 bilion.

Perincian projek berkenaan dijangka diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam lawatan kerja beliau ke Pulau Pinang, esok.

Penasihat Khas Perdana Menteri bagi Wilayah Koridor Utara (NCER), Datuk Seri Zainal Abidin Osman, berkata ia merangkumi pelan jangka pendek dan panjang yang menyeluruh dengan jangkaan siap sepenuhnya pada 2020.

Katanya, Najib dijangka mengadakan perbincangan mengenai pelaksanaan pelan berkenaan bersama kepimpinan kerajaan negeri, sebelum sebarang keputusan mengenainya dimuktamadkan.

"Pelan jangka pendek bagi projek ini lebih bertumpu kepada kerja pembersihan dan kecemasan awal, termasuk membaik pulih atau membaiki ban serta rumah pam yang terjejas akibat banjir.

"Bagaimanapun, biarlah Perdana Menteri umumkan pelan mitigasi banjir yang meliputi seluruh kawasan di negeri ini secara terperinci esok," katanya pada sidang media yang turut dihadiri Pengerusi Barisan Nasional negeri, Teng Chang Yeow, di sini, hari ini.

Najib dijangka melawat mangsa banjir di Bukit Mertajam dan Permatang Pauh di daerah Seberang Perai Tengah serta Sungai Dua, Kepala Batas, dalam rangka lawatan kerjanya itu.

Hujan lebat berterusan lebih 17 jam sejak 12 tengah hari kelmarin, memburukkan lagi keadaan banjir di kebanyakan kawasan di negeri ini menyebabkan air naik mendadak dan melumpuhkan sebahagian besar kawasan di Georgetown dan Seberang Perai.

Khamis lalu, kerajaan negeri memaklumkan sebanyak 119 kejadian banjir kilat direkodkan berlaku di negeri ini, sejak tahun 2013 hingga 15 Oktober lalu, dengan masing-masing sebanyak 22 kali pada 2013; 20 (2014); 26 (2015); 30 (2016) dan 21 kes sama direkodkan sehingga 15 Oktober lalu.

Mengulas mengenai pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa III di lembangan Sungai Pinang, Zainal Abidin berkata, ia dijangka dapat dimulakan awal tahun hadapan.

"Projek RTB lembangan Sungai Pinang Fasa III bernilai RM150 juta ini adalah berlainan dengan rancangan mitigasi yang akan diumumkan Najib, esok.

"Kita juga sedang menyaring lima kontraktor yang mengemukakan tender bagi projek ini dengan jangkaan kerja dapat dimulakan pada Januari tahun hadapan," katanya.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff. - Foto Asyraf Hamzah

5. Perkemas SOP elak penyalahgunaan dana berulang

KUALA LUMPUR: Satu pendekatan menyeluruh bagi menangani salah guna dana perlu dikuatkuasa oleh pertubuhan ternama seperti Bulan Sabit Merah Antarabangsa (IFRC) bagi mengelak berulangnya kejadian penyalahgunaan dana wabak Ebola.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, berkata ini termasuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika persekitaran malapetaka.

Katanya, menyalahgunakan dana yang disalurkan untuk membantu mangsa wabak adalah satu tindakan yang keji dan tidak wajar dilakukan.

"Dana disalurkan pelbagai pihak termasuk orang perseorangan seharusnya digunakan untuk tujuan kemanusiaan, dan jika tidak, ia akan memusnahkan kepercayaan orang ramai dan penderma terhadap badan seperti IFRC.

"Dalam hal ini, INTEGRITI menyambut baik ketegasan kepimpinan Persekutuan Palang Merah dan IFRC yang memutuskan mengambil tindakan tegas bagi membendung isu ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Persekutuan Palang Merah dan IFRC baru-baru ini, yang mendapati pekerja badan itu serta pihak tertentu didapati menyalahgunakan dana AS\$6 juta (RM25 juta) yang diperuntukkan untuk melawan wabak Ebola di rantau Afrika Barat.

Jumlah itu sebahagian daripada lebih AS\$124 juta (hampir RM500 juta) yang disediakan, meliputi tempoh dari 2014 hingga 2016, bagi menangani wabak yang meragut lebih 11,000 orang di Sierra Leone, Liberia dan Guinea.

Mengulas lanjut, Dr Anis berkata, pendedahan kemungkinan wujud 'kolusi' dan bersubahat, seperti disebut Setiausaha Agung Persekutuan Palang Merah dan IFRC, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood, dengan sendiri menunjukkan lemahnya budaya integriti dalam kalangan pihak yang terbabit dalam proses pengagihan dana itu.

"Ia dengan jelas menunjukkan ada pihak lebih mengutamakan kepentingan peribadi berbanding kumpulan sasaran sebenar.

"Kes membabitkan dana wabak Ebola ini satu contoh di mana, dana untuk tujuan kemanusiaan tidak sampai kepada kumpulan sasar sepenuhnya dan secara menyeluruh. Perkembangan ini sesuatu yang menyedihkan kerana ia membabitkan nyawa manusia," katanya.

"INTEGRITI sedia berkongsi pengalaman dan amalan baik bagi mewujudkan persekitaran bebas salah guna kuasa, penipuan dan penyelewengan dalam soal pengagihan dana kemanusiaan.

"Pihak berkuasa negara yang dihipit masalah kemanusiaan, seperti kes wabak Ebola, juga sangat penting. Mereka yang terbabit dalam salah guna kuasa harus dikenakan tindakan undang-undang tegas," katanya.



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

6. Banjir: RM9.3 juta bantu pesawah terjejas di Pulau Pinang, Kedah

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memperuntukkan RM9.3 juta sebagai bantuan penanaman semula kepada pesawah yang terjejas di Pulau Pinang dan Kedah.

Kira-kira 10,516 hektar sawah padi terjejas dengan bencana banjir besar melanda di kedua-dua negeri itu membabitkan 5,941 pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata jumlah itu adalah laporan awal diterima daripada pasukan pemantau banjir di kawasan terjejas.

Katanya, sekitar 9,680 hektar sawah padi terjejas membabitkan 5,547 pesawah adalah di Pulau Pinang dan lebih 835 hektar membabitkan 394 pesawah adalah di Kedah.

"Bagi meringankan beban pesawah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui jawatankuasa bencana dianggotai Jabatan Pertanian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) sedang membuat penilaian berhubung bilangan sebenar pesawah yang terbabat.

"MOA akan menyediakan bantuan penanaman semula padi bagi setiap hektar apabila jawatankuasa itu memuktamadkan penilaian," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



DATUK Seri Panglima Dr Maximus Johnity Ongkili

7. RM2.2 bilion tingkat kualiti bekalan elektrik Sabah

KUALA LUMPUR: Kerajaan meluluskan geran RM2.2 bilion untuk pembinaan 57 projek meningkatkan kualiti perkhidmatan elektrik di Sabah.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili, berkata projek itu membabitkan penjanaan, penghantaran, pembahagian, post blackout dan kajian hidro elektrik.

Beliau berkata projek itu akan dijalankan dalam tempoh lima tahun sehingga 2020.

"Geran itu termasuk untuk pembangunan Loji Janakuasa Gas 300megawatt (MW) di Sandakan, dan projek Southern Link - pembinaan talian penghantaran 275kV sepanjang 390 kilometer (km) dari Kalumpang ke Sipitang," katanya ketika sesi pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat, hari ini.

Datuk Raime Unggi (BN- Tenom) meminta kementerian menjelaskan tindakan kerajaan untuk jangka pendek dan panjang untuk memperkukuhkan bekalan elektrik di Sabah.

Ongkili berkata, kerajaan turut meluluskan 41 projek bernilai RM1.417 bilion untuk dilaksanakan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah.

Katanya, lima daripada projek itu sudah disiapkan tahun ini.

"Kerajaan yakin melalui inisiatif ini, gangguan bekalan elektrik di Sabah dapat dikurangkan.

Pada 2016, Sistem Indeks Gangguan Bekalan Elektrik (SAIDI) mencatatkan penurunan 89.2 peratus," katanya.



DATUK Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (dua,kiri) mendengar penerangan daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak (kanan) ketika melawat tapak cadangan kompleks sukan pada lawatan kerja rasmi di Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa hari ini.

8. Projek tebatan banjir Pulau Pinang dikaji rapi

KUALA LUMPUR: Kesemua 12 projek tebatan banjir yang dirancang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Pulau Pinang, akan dikaji semula bagi memastikan semua peruntukan digunakan secara berkesan.

Kajian semula projek tebatan banjir Kerajaan Persekutuan itu akan membabitkan kerjasama kerajaan negeri, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam memastikan kawasan takungan air di negeri itu mencukupi, sebelum dilengkapi pembinaan saliran dan benteng laut.

Bagaimanapun, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata kajian semula itu tidak akan membabitkan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa Ketiga Lembangan Sungai Pinang yang sudah diluluskan kerajaan dengan peruntukan RM150 juta.

"Selepas bajet (diluluskan), baru kita akan mulakan kajian teknikal kerana pelaksanaan projek ini bukan boleh dibuat begitu saja. Saya sudah minta supaya (projek tebatan) Pulau Pinang dikaji semula untuk atasi masalah banjir.

"Kalau kita lihat apa yang berlaku pada 4 dan 5 November lalu, apa yang kita buat pada masa sekarang tidak akan mencukupi kerana air pasang tinggi dan hujan lebat (sehingga menyebabkan banjir).

"Jadi dalam keadaan demikian (air pasang tinggi dan hujan lebat), kita kena buat kajian terperinci dahulu walaupun sumber kewangan sudah ada, ia tidak boleh dilaksanakan begitu sahaja.

"Kalau tidak, duit kerajaan akan kehilangan (pembaziran)," katanya selepas lawatan kerja rasmi ke tapak pembinaan kompleks sukan dan kawasan parkir Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa di Sentul di sini hari ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong; Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Datuk Seri Sallehuddin Ishak; Pengerusi ECOVEST/ LPS, Tan Sri Lim Keng Cheng dan Pengetua Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Chia Song Choy.

Wan Junaidi mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam, bahawa Kerajaan Persekutuan sedia mempertimbangkan peruntukan RM1 bilion bagi melaksanakan 13 projek berskala besar dan kecil bagi tebatan banjir di Pulau Pinang.

Ia termasuk RTB Fasa Ketiga Lembangan Sungai PInang yang sudah diluluskan kerajaan dengan peruntukan RM150 juta, membabitkan sembilan sungai antara Ayer Hitam ke Sungai Pinang di Jelutong.

Mengulas lawatannya ke sekolah persendirian itu, Wan Junaidi berkata, pihak akan menyediakan memorandum Kabinet bagi memohon kelulusan kerajaan melanjutkan tempoh sewaan kawasan seluas tiga ekar (tanah Kerajaan Persekutuan) untuk pembinaan kompleks sukan sekolah itu kawasan parkir.

Katanya, kerajaan meluluskan tempoh pajakan selama 30 tahun, bagaimanapun pihak sekolah meminta tempoh sewaan itu dipanjangkan antara 60 hingga 90 tahun demi kepentingan pelajar dan warga sekolah.

Ka Siong pula mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana memberikan kelulusan penggunaan kawasan terbabit bagi kompleks sukan sekolah persendirian itu.



NAJIB bersama Pengerusi China Communication Construction Group Ltd, Liu Qitao (empat dari kiri) melihat model kereta api ECRL pada majlis pecah tanah di Kuantan, Ogos lalu.

9. ECRL ubah sosioekonomi Pantai Timur

KUALA LUMPUR: Persepsi kononnya negeri di Pantai Timur sering dianak tirikan kerajaan berikutan kurangnya projek pembangunan dijalankan di kawasan berkenaan, kini berubah selepas pelbagai transformasi dan projek berimpak tinggi dilaksanakan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Terbaru, pelaksanaan projek Rangkaian Rel Pantai Timur atau ECRL bernilai kira-kira RM55 bilion itu akan menjadi satu lagi 'game-changer' untuk negeri Pantai Timur, sekali gus mengubah landskap pembangunan di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Laluan sepanjang 600 kilometer merentasi tiga negeri terbabit bakal membawa banyak impak sosioekonomi kepada kawasan luar bandar dan bandar dilaluinya.

Jika selama ini, masyarakat di Pantai Timur tertumpu kepada sektor pertanian, perladangan dan perikanan yang menyebabkan ramai generasi muda sebelum ini berhijrah mencari pekerjaan ke kota besar khasnya di Kuala Lumpur, kemudahan ECRL yang siap pada 2024 kelak bakal mengubah senario itu.


Ini kerana peratusan penghijrahan dapat dikurangkan, ekonomi di tiga negeri ini akan dapat dipertingkatkan dan pelbagai sektor pekerjaan termasuk pekerjaan baharu dapat diwujudkan.

Bandar kecil yang akan dibina stesen ECRL seperti Bentong, Mentakab, Gambang, Cherating di Pahang; Chukai, Dungun, Kuala Telemong di Terengganu serta Tok Bali, Wakaf Bharu dan Tumpat di Kelantan akan menjadi tumpuan pembangunan pesat, sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Peniaga kedai makan, penternak ikan patin dalam sangkar, pengusaha songket, kraf tangan, kain tenun dan peniaga keropok lekor yang menjadi sebahagian jenama masyarakat Pantai Timur turut mendapat limpahan ekonomi hasil pembinaan laluan kereta api laju ini.

Ia juga dapat menarik pembukaan lebih banyak pusat komersial dan penempatan baharu berhampiran stesen ECRL.

Syarikat pelabur asing juga pasti mengintai peluang pelaburan di Pantai Timur seperti di Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) dan kawasan perindustrian di ketiga-tiga negeri kerana ECRL menghubungkan pengangkutan kargo dari pelabuhan utama di Pantai Barat ke Pantai Timur Semenanjung.



PENGUNJUNG melihat replika ECRL.

Projek infrastruktur pengangkutan awam darat itu adalah langkah persediaan awal bagi mewujudkan sistem perhubungan dan pengangkutan awam moden, sistematik serta terancang bagi menghadapi perubahan zaman apabila negara mencapai status negara maju.

Ini kerana kerajaan mahu setiap negeri di Malaysia mengalami perubahan fizikal dan ekonomi dengan tidak tertumpu kepada satu kawasan saja.

Transformasi ini secara dasarnya adalah langkah tepat dalam memberikan impak dan peluang kepada semua rakyat bukan saja dari segi ekonomi tetapi juga sosiobudaya.

ECRL yang bakal siap kelak menggunakan kuasa elektrik sepenuhnya akan melalui 23 stesen, di antaranya bermula dari Gombak, Selangor ke Tumpat, Kelantan.

LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL)



Hadiah terbesar untuk rakyat

Pembinaan Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) menghubungkan Gombak, Selangor sehingga stesen terakhir di Pengkalan Kubor, Tumpat bukan sahaja mampu menjana pendapatan rakyat Kelantan, malah ia diibaratkan hadiah terbesar daripada Kerajaan Pusat. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kubor, Mat Razi Mat Ail, berkata pembinaan projek mega nyata memberi manfaat besar kepada kira-kira 30,000 penduduk Tumpat.

"Ini hadiah paling bernilai kepada penduduk Kelantan terutama di Tumpat kerana dua stesen ECRL dibina di daerah ini. Kami tidak pernah menjangka ada kemudahan seperti ini suatu hari nanti, namun ia direalisasikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Walaupun Kelantan negeri pembangkang, kita diberi kemudahan itu dan rakyat pasti tertunggu-tunggu serta gembira kerana perjalanan dari Kelantan ke Gombak hanya mengambil masa hampir empat jam sahaja," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Tanpa Mukim Kok Seraya, Beng Khieu Eh Si pula berkata, pembinaan ECRL membuka peluang ekonomi kepada penduduk kampung terutama dalam bidang perniagaan.

"Penduduk di sini kebanyakannya petani dan kemudahan ECRL dapat menjana ekonomi mereka kerana hasil jualan boleh dibawa ke negeri luar, selain memberi peluang pekerjaan kepada buruh binaan serta sumber pendapatan baharu kepada pengusaha kedai makan," katanya. Pentadbir Mukim Dewan Undangan Negeri (DUN) Pasir Tumboh, Wan Azizi Wan Ab Ghani, pula berkata pembinaan ECRL membuktikan Kerajaan Pusat tidak pernah meminggirkan rakyat Kelantan dengan menyediakan pelbagai kemudahan.

Di Kuantan, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Pahang, Yusri Yusof, berkata projek ECRL bukan sahaja membawa kemasukan modal dan peralihan teknologi, malah ia bakal membuka peluang perniagaan secara terus kepada penduduk setempat di Pahang. "DPMM Pahang berharap projek mega seperti ini tidak meminggirkan usahawan mikro dan mereka yang mengusahakan perusahaan kecil serta sederhana (PKS).

"Proses pembekalan bahan binaan bagi projek ini juga diharap turut ditawarkan kepada kontraktor tempatan," katanya. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Goh, Mat Zahari Derahman pula berkata, projek ECRL wajar dinikmati penduduk tempatan, terutama bagi merebut peluang pekerjaan. "Adalah merugikan jika bidang pekerjaan disediakan melalui projek itu diberikan kepada orang luar.

Jadi, generasi muda di Pahang perlu merebut setiap peluang pekerjaan ditawarkan," katanya. Manfaat besar kepada pelajar Di Kuala Terengganu, Ketua Penerangan Gagasan Pendidikan Terengganu (GAGASAN) Daerah Besut, Ariffin Jusoh, berkata ECRL akan menjadi pemangkin kepada pembangunan pendidikan pesat di daerah itu, sekali gus menjadikan Besut hab pendidikan utama di Terengganu.

"ECRL memberi manfaat besar kepada pelajar dari luar Terengganu yang belajar di pelbagai institusi pengajian tinggi di sini, selain penduduk setempat dapat menjana ekonomi dan memakmurkan sektor pelancongan," katanya.



GIMIK pelancaran pada majlis pecah tanah ECRL di Kuantan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Putera, Mohd Mahdi Musa, berkata Kampung Raja akan menjadi pintu masuk utama ke pusat pelancongan terkenal termasuk Pulau Perhentian.

"Banyak lagi pusat pelancongan termasuk Lata Belatan, Lata Tembakah, Gunung Tebu, La Hot Spring dan Bukit Keluang akan menjadi destinasi pelancong utama kerana adanya ECRL tidak lama lagi," katanya.

Di Terengganu, tujuh lokasi dirancang menjadi stesen utama ECRL iaitu Stesen Chukai, Stesen Kemasik dan Stesen Kerteh di Kemaman; Stesen Dungun; Stesen Pengkalan Berangan, Marang; Stesen Kuala Terengganu; Stesen Telaga Papan, Setiu dan Stesen Kampung Raja, Besut.



10. PAC syor geran kepada Agrobank

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu kerajaan meneruskan pemberian geran kepada Agrobank bagi membantu petani dan pengusaha pertanian untuk mengembangkan perniagaan.

Pengerusinya, Datuk Seri Hasan Ariffin, berkata pihaknya juga mengesyorkan supaya bilangan cawangan Agrobank dan AgroAgent ditambah terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi membolehkan lebih ramai petani mendapat khidmat perbankan.

"Agrobank perlu terus memberi tumpuan untuk membantu petani bagi membangunkan sektor pertanian negara walaupun Agrobank tidak lagi menerima geran dari kerajaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Syor itu dibuat selepas PAC pada 26 Oktober lalu mengadakan prosiding berhubung isu pengurusan Agrobank di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2, yang dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015.

Hasan berkata, dalam prosiding itu, PAC turut membangkitkan isu pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) Agrobank, prestasi dana pembiayaan deposit, pendapatan Fi tidak mencapai sasaran serta hapus kira.

PAC juga, katanya, berpuas hati dengan pencapaian Agrobank dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap mengikut kehendak pasaran dan pelanggan.

"PAC juga mengambil maklum Agrobank tidak lagi menerima geran daripada kerajaan sejak 2012.

"PAC berpendapat sumber kewangan yang diterima oleh Agrobank dari kerajaan sebanyak RM1.152 bilion dalam bentuk pinjaman tidak mencukupi bagi menampung keperluan pinjaman oleh petani dan masyarakat luar bandar," katanya.



ABDUL Razak Md Hassan

11. Kaji semula cadangan hartanah bernilai RM6 billion

KUALA LUMPUR: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) perlu mengkaji semula cadangan pembangunan hartanah yang dikatakan bernilai RM6 bilion.

Kesatuan Pekerja-Pekerja Kereta Api Tanah Melayu Berhad ragu-ragu dengan idea itu, terutama selepas Railway Network Access Agreement (RNAA) dilaksanakan.

Presidennya, Abdul Razak Md Hassan, berkata, kewujudan RNAA memberi kuasa mutlak kepada Perbadanan Aset Keretapi (PAK) memperolehi keuntungan daripada pembangunan berkenaan.

"Idea ini akan berjaya sekiranya KTMB membubarkan PAK," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Abdul Razak berkata, PAK juga boleh diserap di bawah KTMB.

"Apabila perbadanan ini dimasukkan di bawah KTMB, semua pemilikan aset yang ada hendaklah dikembalikan kepada KTMB bagi memastikan pembangunan syarikat dapat dilaksanakan.

"Kerajaan juga perlu memberi peluang kepada Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Mohd Rani Hisham Samsudin membuktikan idea ini mampu tercapai, apatah lagi perlantikan beliau dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya.

Abdul Razak berkata, kesatuan itu menyokong cadangan pembangunan hartanah untuk melonjakkan KTMB sebagai perniagaan yang mencapai keuntungan.



DATUK Abdul Aziz Kaprawi

12. Konsesi ERL dilanjut 30 tahun

KUALA LUMPUR: Perjanjian konsesi bagi Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) yang mengendalikan perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit dilanjutkan selama 30 tahun, sehingga 2059.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi, berkata lanjutan tempoh konsesi berkenaan dibuat selepas kerajaan menolak permintaan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) untuk menaikkan tambang ERL sebanyak tiga kali.

"Kontrak ini akan tamat pada 2029, tetapi kita buat perjanjian awal pada 2002, telah ada satu sistem setiap lima tahun, harga tambangnya boleh disemak.

"Apabila kita tidak membenarkan kenaikan tambang sebanyak tiga kali, sepatutnya kita memberi pampasan tetapi kita panjangkan konsesi," katanya semasa menjawab soalan tambahan Tan Sri Khalid Ibrahim (Bebas-Bandar Tun Razak) berhubung isu konsesi ini.

Abdul Aziz berkata, selepas 2029, kerajaan tidak lagi akan membayar caj servis penumpang sebanyak RM5 bagi setiap penumpang kepada ERL dan bayaran kepada syarikat rel berkenaan bergantung kepada pasaran.

"Kerajaan sudah membuat perjanjian awal pada 2002 mengenai satu sistem harga tambang ERL boleh 'review' (disemak semula) setiap lima tahun.

"Apabila kita tidak benarkan kenaikan tambang sebanyak tiga kali, kita sepatutnya beri pampasan tapi kita buat keputusan untuk panjangkan konsesi selama 30 tahun.

"Jadi selepas tahun 2029, kerajaan tidak akan membayar lagi dan selepas itu operasi dasarnya bergantung pada pasaran," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Mengulas lanjut, Ab Aziz berkata, MAHB sudah mengemukakan bayaran caj perkhidmatan penumpang (PSC) kepada ERL.

Katanya, dari 2002 sehingga September tahun ini, ERL sudah menerima bayaran keseluruhan PSC sebanyak RM741,234,295.

Katanya, jumlah penumpang ERL menunjukkan penurunan selepas berlaku kenaikan harga tambang pada 2016.

"Semenjak ERL mula beroperasi, kadar purata bilangan penumpang sebanyak 5.4 juta setahun. Pada 2015, terdapat peningkatan 20 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu seramai 11.03 juta penumpang.

"Kesan kenaikan kadar tambang pada 2016 menyaksikan penurunan jumlah penumpang ERL sebanyak 19 peratus, kepada 8.9 juta penumpang.

"ERL juga mengalami kerugian selepas cukai terkumpul berjumlah RM661.34 juta pada 2016. ERL mengalami kerugian selepas cukai enam tahun berturut-turut dari tahun kewangan 2009 hingga 2014," katanya.



PENGERUSI Jawatan Kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Hasan Arifin.

13. PAC syor kementerian pantau penyelenggaraan lebih ketat

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengesyorkan Kementerian Kesihatan membuat pemantauan lebih ketat terhadap kerja dijalankan ke atas syarikat konsesi ketika ini dan pada masa hadapan.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata ia perlu dibuat sebelum kementerian berkenaan membuat pengesahan bagi tuntutan bayaran kepada semua hospital di seluruh negara.

Pada masa sama, katanya, syarikat perlu berintegriti dalam membuat tuntutan pembayaran kepada kementerian itu.

"Penyelenggaraan Berjadual juga perlu dilaksanakan mengikut kekerapan ditetapkan bagi memastikan aset dapat berfungsi dengan baik.

"Kementerian perlu memastikan denda dan penalti dikenakan sekiranya penyelenggaraan menyeluruh tidak dilaksanakan.

"Seiring itu, kementerian perlu mempercepatkan pembangunan dan penggunaan Sistem Maklumat Perkhidmatan dan Aset (ASIS) bagi membantu mempertingkatkan kerja pemantauan aset," katanya dalam satu kenyataan diedarkan di Parlimen, hari ini.

Terdahulu, PAC membentangkan laporannya berhubung Pengurusan Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS) menerusi Kementerian Kesihatan di Dewan Rakyat.

Isu itu adalah hasil penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak ketika menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Pelancaran Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Pakej Kerja 6 Membina Jalan Dari Putatan ke Inanam, di Putatan.

14. RM2.6b untuk 6 pakej Pan Borneo Sabah - PM

PUTATAN: Sebanyak RM2.6 bilion sudah diluluskan bagi melaksanakan enam pakej projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah, termasuk jajaran pakej Putatan ke Inanam, yang dilancarkan hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata, tender bagi 12 pakej sedang dalam proses penilaian, termasuk dua menunggu kelulusan Kementerian Kewangan, manakala tender baki 17 pakej lagi dijangka diselesaikan tahun depan.

"Setakat ini, lima pakej bernilai RM1.7 bilion diluluskan dan hari ini satu lagi pakej diluluskan iaitu jajaran Putatan ke Inanam bernilai RM900 juta, bererti RM2.6 bilion sudah lulus bagi Sabah.

"Secara keseluruhan, RM12.86 bilion diperuntukkan untuk membina Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dalam masa lima tahun, bererti RM2 bilion dibelanjakan setahun," katanya ketika melancarkan Pakej 6 projek lebuhraya berkenaan, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman; dua Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Datuk Yahya Hussin; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Perdana Menteri berkata, projek Lebuhraya Pan Borneo penting kerana ia bakal membawa kesan besar kepada Sabah dan Sarawak berbanding projek lain yang dilaksanakan sebelum ini.

Katanya, komitmen kerajaan melaksanakan projek itu juga sejajar dengan konsep pembangunan bersifat inklusif yang diterapkan bagi memastikan tiada rakyat tertinggal daripada pembangunan.

"Kita boleh buat projek seperti jalan, jambatan, membina dewan dan lain-lain tetapi ia tidak berlaku perubahan besar kepada Sabah.

"Sebab itulah dalam banyak projek, tiada yang lebih besar impak berbanding Pan Borneo," katanya.

Najib berkata, kerajaan menumpukan projek infrarakyat bagi memastikan wujud perhubungan yang menyeluruh supaya pergerakan manusia dan barangan lebih mudah dan cepat.

Pakej jajaran dari Putatan ke Inanam sepanjang 19.6 kilometer adalah sebahagian jajaran merentasi bandar raya Kota Kinabalu atau dikenali sebagai Jalan Pesisir Luar Kota Kinabalu.

Jajaran itu membabitkan kerja menaik taraf jalan daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala, selain pembinaan tiga jambatan baharu, iaitu Jambatan Sungai Moyog 1, 2 dan 3, dua jejantas pejalan kaki, 10 persimpangan U dan empat perhentian bas.

Jalan itu bakal menyediakan akses perhubungan darat yang selesa dan cekap kepada kira-kira 700,000 penduduk sekitar ibu negeri, selain merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat menerusi pembukaan kawasan baharu.



PENGERUSI PAC, Datuk Seri Hasan Arifin.

15. Tender terbuka bina SMKA - PAC

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu kerajaan melaksanakan pemilihan kontraktor secara tender terbuka membabitkan isu pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Pembinaan itu dicadangkan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Itu antara syor dikemukakan PAC kepada kerajaan dalam pembentangan laporan berhubung Pengurusan Projek Pembinaan SMKA dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan, di bawah Kementerian Pendidikan.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata kerajaan juga disyorkan menyenarai hitam kontraktor dan juruperunding yang gagal melaksanakan projek pembinaan SMKA mengikut tender, bagi memberi pengajaran kepada kontraktor lain.

"Panggilan tender itu perlu dilakukan selepas mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengelakkan masalah di tapak pembinaan.

"Tindakan lebih tegas perlu diambil terhadap kontraktor, juruperunding dan pembekal jika mereka gagal membekal atau memasang komponen projek, terutamanya komponen yang memberi kesan terhadap fungsi projek itu," katanya dalam satu kenyataan di Parlimen, hari ini.

Hasan berkata, syor itu dibuat selepas PAC mengadakan prosiding pada 18 Mac lalu berhubung isu pembinaan SMKA dan perkara berkaitan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 3 yang dibentangkan di Parlimen, pada 23 November 2015.

Dalam prosiding itu, PAC memanggil Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Alias Ahmad dan membangkitkan 11 perkara.

Antaranya reka bentuk pembinaan tidak praktikal, kualiti kerja tidak memuaskan, peralatan yang dilaksana dan dibekalkan tidak mengikut lukisan kontrak atau spesifikasi ditetapkan serta pemasangan lif tidak mengikut spesifikasi kontrak.

Berdasarkan prosiding itu, katanya, PAC merumuskan pembinaan SMKA yang dilaksanakan secara rundingan terus atau tender terhad dan dipantau juruperunding menghadapi banyak masalah.

"Juruperunding juga gagal memastikan kontraktor mematuhi reka bentuk disediakan seperti dalam kes sesalur lif tidak mengikut saiz.

"Syarikat juruperunding juga tidak mempunyai kakitangan yang berpengalaman di tapak projek bagi tujuan pemantauan, menyebabkan banyak kerja tidak mengikut spesifikasi," katanya.



PRESIDEN dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff

16. 'Contohi dasar tolak rasuah Prasarana'

KUALA LUMPUR: Tekad Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) mewajibkan petugasnya mengisytiharkan kos percutian luar negara dan menolak tajaan wajar diteladani semua pihak.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, berkata Prasarana selaku syarikat peneraju pengurusan pengangkutan awam berbilion ringgit di dalam dan luar negara, mempamer contoh terbaik ke arah mewujudkan mekanisme kawalan dalaman.

Penstrukturan dasar itu, katanya, berupaya mengekang penularan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang boleh menjejaskan integriti syarikat atau agensi, sekali gus menghakis keyakinan masyarakat.

"Ini adalah pendekatan membina yang akan menyumbang kepada Prasarana dan negara pada keseluruhannya, selain menyediakan sistem perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

"Hala tuju dan komitmen yang dirintis Prasarana dalam memperkukuhkan mekanisme kawalan dalaman ini diharap dijadikan contoh oleh agensi lain," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Anis berkata, cadangan penubuhan jawatankuasa bertindak yang disertai pelbagai jabatan dalam Prasarana antara lain berupaya meningkatkan ketelusan laporan pengisytiharan oleh kakitangannya.

Selain itu, katanya, ia mencerminkan kepentingan dasar pengawasan dalam mematuhi segala perundangan, peraturan, prosedur dan dasar berkaitan rasuah serta salah guna kuasa.

"INTEGRITI yang bertindak menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) selama ini melaksanakan pelbagai usaha untuk membangunkan rangkaian instrumen.

"Ia merangkumi Pelan Integriti Organisasi, Instrumen Penilaian Integriti (IAT) dan Profil Integriti Malaysia (MIP) yang boleh digunakan untuk membantu organisasi merangka, melaksana serta memantau pelan integriti masing-masing," katanya.



KETUA Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad berucap pada Majlis Dialog bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama Dewan Tertinggi Majlis Belia Malaysia (MBM) anjuran bersama Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur.

17. Isu lesen antara punca utama rasuah

KUALA LUMPUR: Sistem perolehan, agensi penguatkuasaan dan isu pelesenan serta permit adalah antara tiga kategori utama yang menyebabkan rasuah diamalkan secara berleluasa.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad, berkata sistem perolehan memberi ruang kepada amalan salah guna kuasa dan wang negara.

Pada masa, katanya, masalah dadah yang membelenggu Malaysia sejak sekian lama membuktikan masih wujud ruang untuk diperbaiki membabitkan tugas kakitangan agensi penguatkuasaan.

"Malaysia bukan negara pembuatan dadah, tetapi pengguna dadah. Semua agensi buat sekatan di sempadan, namun masih bolos.

"Kita perlu melihat semula dan menyatakan rasuah sebagai musuh nombor satu negara. Jika agensi berkaitan dapat menjalankan amanah dan tanggungjawabnya, saya yakin masalah berbangkit dapat diselesaikan dengan baik.

"Aspek pelesenan dan permit juga perlu dilihat bagi menyelesaikan isu rasuah.

"Mereka yang berada dalam situasi pemberian lesen perlu memastikan tidak wujud unsur rasuah," katanya pada sesi dialog SPRM bersama Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) di sini, hari ini.

Turut hadir Presiden MCW, Jais Abdul Karim dan Presiden MBM, Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaludin.



18. Audit: Unsur penipuan perolehan Lembaga Pelabuhan Bintulu

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara mengesan beberapa kelemahan ketara dalam pengurusan perolehan di Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB), termasuk meluluskan projek bernilai RM1.247 bilion tanpa kajian menyeluruh.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2 yang dikeluarkan hari ini, turut dikesan ialah kelulusan tiga perolehan bernilai RM1.452 bilion tanpa peruntukan kewangan terlebih dulu, pelaksanaan empat perolehan bernilai RM1.467 bilion yang tidak melalui tender terbuka dan menjalankan rundingan terus tanpa kelulusan Kementerian Kewangan.

"Jabatan Audit Negara mendapati wujud kelemahan dalam proses rundingan terus, kelemahan dalam proses tender, kelemahan dalam urusan pelantikan kontraktor dan perunding serta kelemahan dalam klausa kontrak.

"Selain itu, bayaran yuran perunding tidak disokong dengan dokumen lengkap dan Jawatan Pembangunan dan Pengurus Besar tidak mematuhi arahan Lembaga Pengarah untuk menangguhkan kerja pembangunan projek 'supply base'," kata laporan itu.

Jabatan Audit Negara turut mendapati ada unsur penipuan dalam penyediaan minit mesyuarat untuk satu tender dan resolusi yang disediakan dalam surat berkenaan telah mempengaruhi Menteri Pengangkutan untuk meluluskan pelantikan kontraktor Muhibbah Viccana Joint Venture (MVJC), iaitu syarikat usaha sama antara Muhibbah Engineering (M) Bhd dan Viccana Sdn Bhd.

Katanya, semakan terhadap perolehan Pembinaan Dermaga Projek Supply Base di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu bernilai RM1.247 bilion mendapati ada dua set minit mesyuarat berasingan disediakan oleh Pengurus Besar LPB dan Urus Setia Mesyuarat untuk Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 1/2016.

"Ketika Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 1/2017 pada 29 Mac 2017, Ahli Lembaga Pengarah bersetuju bahawa minit yang disediakan oleh Urus Setia Mesyuarat adalah lebih tepat dan mesyuarat bersetuju untuk meluluskan minit berkenaan.

"Semakan Audit terhadap minit mesyuarat yang disediakan oleh Pengurus Besar mendapati semua keputusan mesyuarat berhubung pelantikan MVJV adalah bertentangan dengan keputusan yang dicatat oleh Urus Setia Mesyuarat iaitu Pengurus Komersial dan Perancangan," demikian menurut laporan itu.

Semakan Jabatan Audit Negara turut mendapati surat lantikan MVJV itu yang kemudiannya dihantar kepada menteri, hanya ditandatangani oleh tiga Ahli Lembaga Pengarah iaitu Pengerusi Lembaga Pengarah, Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengurus Besar sedangkan lapan Ahli Lembaga Pengarah telah hadir pada mesyuarat berkenaan (Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 7/2016).

Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara mengesyorkan Kementerian Pengangkutan mengarahkan Lembaga Pengarah LPB melakukan siasatan terperinci serta melaporkan kepada agensi penguatkuasaan jika terbukti wujud unsur jenayah.

Selain itu, Kementerian Pengangkutan juga harus mengarahkan LPB untuk mengkaji semula mekanisme pematuhan dan pemantauan supaya risiko salah laku dapat dielakkan serta dapat meningkatkan kawalan dalaman urusan perolehannya.

19. Prestasi kewangan Kedah memuaskan

ALOR SETAR: Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016 Siri 2 mengesahkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah memuaskan berbanding tahun 2015.

Menurut laporan itu menyatakan baki kumpulan wang disatukan menunjukkan peningkatan sejumlah RM27.28 juta atau 62.8 peratus kepada RM70.69 juta berbanding RM43.41 juta pada tahun 2015.

"Akaun hasil disatukan mencatatkan defisit tahun semasa berjumlah RM59.28 juta kerana hasil diterima berjumlah RM601.63 juta tidak dapat menampung perbelanjaan berjumlah RM660.91 juta.

"Baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM497.93 juta pada tahun 2015 meningkat sejumlah RM59.28 juta atau 11.9 peratus menjadi RM557.21 juta pada tahun 2016 manakala, Baki Akaun Belum Terima juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM34.81 juta kepada RM214.38 juta.

"Bagaimanapun, Baki Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan penurunan sejumlah RM19.83 juta kepada RM294.49 juta manakala tunggakan bayaran balik pinjaman agensi sejumlah RM73.78 juta malah Baki Hutang Awam kerajaan negeri masih tinggi iaitu berjumlah RM2.39 bilion," menurut laporan itu.

Laporan itu turut menyarankan Kedah mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangan supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus semasa.

"Hasil daripada pelbagai sumber termasuk hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan perlu dikenal pasti dan ditambah baik manakala kutipan hasil kerajaan negeri perlu dipertingkatkan dengan pelaksanaan sistem kutipan dan penguatkuasaan yang berkesan.

"Kerajaan negeri juga perlu melakukan tindakan yang lebih gigih bagi memastikan tunggakan hasil dikutip dengan segera dan pinjaman dibayar oleh agensi negeri mengikut jadual yang ditetapkan," menurut laporan itu.

Kerajaan negeri juga disaran mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan Kedah.

"Tadbir Urus Tabung Akaun Amanah perlu dipertingkatkan dan perbelanjaan wang amanah perlu sejajar dengan objektif utama penubuhan tabung berkenaan," menurut laporan itu.

20. Prestasi kewangan Perlis kurang memuaskan

KANGAR: Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016 menyatakan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2016 adalah kurang memuaskan.

Menurut laporan itu, baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM2.92 juta menjadi RM19.59 juta.

"Kutipan hasil pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM22.25 juta menjadi RM109.93 juta manakala perbelanjaan mengurus (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) dan perbelanjaan pembangunan menurun sejumlah RM48.39 juta menjadi RM169.96 juta.

"Bagaimanapun, jumlah kutipan hasil tersebut masih tidak dapat menampung sepenuhnya perbelanjaan mengurus dan pembangunan," menurut laporan berkenaan.

Laporan itu juga menyatakan Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit berjumlah RM22.42 juta menyebabkan defisit Kumpulan Wang Terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat menjadi RM406.98 juta.

"Ini adalah defisit yang tertinggi dicatatkan oleh kerajaan negeri. Hutang awam kerajaan negeri meningkat sejumlah RM2.44 juta menjadi RM394.34 juta dan tunggakan bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM14.43 juta menjadi RM219.59 juta.

"Tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENP) juga mencatatkan peningkatan sejumlah RM3.74 juta menjadi RM79.09 juta," menurut laporan berkenaan.

Laporan berkenaan menyarankan, bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri Perlis hendaklah menuntut tunggakan bayaran balik pinjaman daripada PKENPs dan berusaha meningkatkan kutipan hasil termasuk tunggakan hasil di samping mengawal perbelanjaan.



21. Prestasi kewangan ASPA kurang memuaskan

KUANTAN: Prestasi kewangan Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA), syarikat milik penuh kerajaan negeri, bagi tahun 2014 hingga 2016 kurang memuaskan, mengikut Laporan Ketua Audit Negara Siri 2.

Laporan pengauditan yang dijalankan pada Februari hingga Jun 2017 mendapati keuntungan sebelum cukai pada tahun 2014 dan 2015 masing-masing turun kepada RM10.57 juta dan RM7.53 juta, manakala pada tahun 2016, ASPA mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM12 juta.

Pendapatan utama ASPA adalah hasil daripada aktiviti perladangan kelapa sawit, pembalakan, dividen pelaburan hartanah dan saham, jualan getah, di samping menerima pendapatan lain daripada pendapatan runcit dan jualan harta tetap.

Katanya, pengurusan aktiviti ASPA yang ditubuhkan pada 21 Januari 1974 mengikut Akta Syarikat 1965 adalah memuaskan dan selaras dengan objektif penubuhan namun amalan tadbir urus kurang memuaskan.

Beliau berkata, penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh ASPA ialah prestasi pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) kelapa sawit secara puratanya adalah memuaskan pada tahun 2014 dan 2015 kerana mencapai sasaran 80 peratus dan hanya tahun 2016 sahaja pencapaiannya kurang 80 peratus.

"Prestasi pendapatan aktiviti pembalakan tahun 2016 menunjukkan penurunan ketara iaitu sebanyak 80.7 peratus berbanding tahun 2015 dan rancangan korporat dan indeks prestasi utama (KPI) tidak disediakan bagi mengukur prestasi syarikat dalam mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.

"Sehubungan ini, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terbabit memberi pertimbangan terhadap perkara berkaitan iaitu memastikan langkah diambil bagi meningkatkan pengeluaran BTS ladang kelapa sawit seperti penggunaan teknologi baru, anak benih dan baja yang berkualiti serta mengatasi kekurangan tenaga kerja dengan segera;

"Memperluaskan lagi aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah dengan menambah ladang baharu memandangkan aktiviti pembalakan dan sumber hutan berkurangan bagi meningkatkan hasil pendapatan serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi negeri Pahang," menurut laporan itu.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 juga mengesyorkan supaya ASPA mengkaji dan menyediakan pelan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.

ASPA disyorkan menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam bagi memastikan pematuhan dan keutuhan kawalan dalaman yang berkesan terhadap organisasi berkenaan.

22. Prestasi kewangan Negeri Sembilan memuaskan

SEREMBAN: Laporan Ketua Audit Negara bagi prestasi kewangan Negeri Sembilan untuk tahun 2016, adalah memuaskan.

Berdasarkan laporan itu, baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 adalah RM540.19 juta, meningkat sejumlah RM18.19 juta berbanding RM522.00 juta pada akhir tahun 2015.

Pada tahun sama, kerajaan negeri turut mencatatkan lebih sejumlah RM14.24 juta berbanding RM31.13 juta pada tahun 2015.

"Kutipan hasil menurun sejumlah RM3.44 juta menjadi RM380.54 juta berbanding RM383.98 juta pada tahun 2015, manakala tunggakan hasil meningkat sejumlah RM25.07 juta menjadi RM118.60 juta daripada RM93.53 juta pada tahun 2015.

"Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pula pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM13.45 juta iaitu daripada RM352.85 juta pada tahun 2015 kepada RM366.30 juta pada tahun 2016," katanya.

Walaupun tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan negeri baik, manakala prestasi kewangan memuaskan, laporan itu menyarankan jabatan dan agensi kerajaan memberi fokus dalam pengurusan kewangan, dengan memberi tumpuan terhadap aspek kawalan pengurusan kewangan yang lemah.

Katanya, pegawai atau ketua jabatan perlu mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dalam usaha memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan.

"Selain itu, pegawai atau ketua jabatan perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh mengenai kemungkinan kelemahan di bahagian lain dan mengambil tindakan sewajarnya, berikutan audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit hanya berdasarkan sampel dan skop tertentu.

"Ketua jabatan juga boleh mempertingkatkan sistem 'check and balance', 'frequent monitoring' dan 'audit spot check', mengadakan penilaian berkala, serta memberi latihan kepada pegawai yang terbabit dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan," menurut laporan itu.

23. Jabatan Perhutanan Pahang ditegur

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) ditegur kerana lambat dalam melaksanakan tugas menilai kadar premium, ganti rugi pelupusan kayu rampasan dan kerja melupuskan barang rampasan.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 menyatakan pengauditan antara Mac hingga Mei lalu, mendapati jabatan itu masih mempunyai kelemahan dalam tugasewartakan kadar premium dan deposit pembalakan dan penilaian ganti rugi pelupusan kayu dirampas lebih rendah berbanding harga pasaran.

"Selain itu, jabatan itu juga lewat melakukan kerja pelupusan barang rampasan...ada kes (semakan) yang kita dapati, terdapat jentera dirampas mereka sejak tahun 2005 masih belum dilupuskan sehingga kini...ini sangat merugikan kerana ia mengakibatkan susut nilai jentera (rampasan) berkenaan.

"Jabatan berkenaan juga lewat menyiapkan penyata penutupan lesen, pemulangan deposit pembalakan dan pelarasan pemindahan hasil royalti dan ses," menurut laporan itu.

Laporan itu turut menyatakan bahawa jabatan terbabit juga gagal menggunakan Sistem Integrasi Maklumat Perhutanan (SIMP) secara optimum hingga menjejaskan tugas pemantauan dan penguatkuasaan.

Bagi memastikan semua kelemahan itu dapat diatasi segera, Jabatan Audit Negara mencadangkan jabatan itu segeraewartakan hasil pembalakan dan deposit diterima dan melakukan pelupusan kayu rampasan menggunakan kaedah lebih sistematik untuk memberi manfaat kepada pendapatan kerajaan negeri.

Mengulas mengenai kelewatan melupuskan kayu dan jentera dirampas pula, laporan itu menyatakan jabatan itu sepatutnya menetapkan tempoh tertentu untuk melupuskan semua rampasan itu bagi mengelak kerugian.

"Mereka ada tiga stor simpanan barang rampasan barang kes menyimpan jentera, kenderaan, mesin dan lain peralatan yang disita atas pelbagai kesalahan hutan iaitu di Kemunting, Kuantan, Kemasul, Mentakab dan Tersang, Lipis... pihak Jabatan Audit Negara sudah melawat stor ini pada bulan Mac dan April lalu.

"Sebanyak 38 daripada 152 barang rampasan yang ada di Stor Ladang Kemasul dan Tapak Semaian Kemunting tidak mempunyai maklumat kes tahun sitaan...pengurusan barang rampasan bagi jentera dan kenderaan juga adalah tidak memuaskan kerana barang rampasan disimpan melebihi lima tahun (masih belum dilupuskan) mengakibatkan rosot nilai barang rampasan dengan anggaran kerugian berjumlah RM0.94 juta," menurut laporan itu.



PENGERUSI PAC, Datuk Seri Hasan Arifin bersama Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad (kiri) menunjukkan buku Laporan Audit Negara 2016 Siri 2 di Parlimen. - Foto Muhd Zaaba Zakeria

24. KBS, KKLW perlu 'menghadap' PAC

KUALA LUMPUR: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan dipanggil Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) susulan teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2016 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen, hari ini.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata selain KBS dan KKLW, beberapa kementerian lain serta agensi dan badan berkanun, khususnya yang membabitkan kepentingan masyarakat, juga akan dipanggil dalam masa terdekat.

"PAC mendapati, ada kementerian dan jabatan yang mempunyai beberapa masalah dan kelemahan. Kita akan panggil, khususnya kementerian yang ada kepentingan masyarakat seperti KBS yang membabitkan pembinaan kemudahan sukan kepada belia serta KKLW.

"Kami juga akan memanggil Lembaga Pelabuhan Bintulu serta Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP).

"Semua akan dipanggil bukan semata-mata untuk mencari kesalahan, tetapi juga untuk memberi penjelasan bagi penambahbaikan serta usaha melancarkan perjalanan kementerian, agensi dan badan berkanun terbabit," katanya pada sidang media selepas mesyuarat pembentangan LKAN 2016 Siri 2 di Parlimen, hari ini.

Turut hadir, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad dan Timbalan Pengerusi PAC, Dr Tan Seng Giaw.

Sebanyak 240 syor dikemukakan dalam LKAN 2016 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen hari ini bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil di peringkat persekutuan dan negeri.

Hasan berkata, PAC secara keseluruhannya berpuas hati dengan laporan audit membabitkan kementerian dan agensi serta kedudukan penyata kewangan badan berkanun, kumpulan wang persekutuan, akaun amanah dan agensi lain pada tahun lalu.

"Pada keseluruhannya, prestasi kewangan semakin baik dan kesedaran mengenai pengurusan kewangan dalam kalangan pegawai dan kakitangan bertambah baik," katanya.

Sementara itu, Madinah berkata, antara inisiatif dilakukannya bagi memastikan tindakan segera terhadap teguran dilaksanakan adalah mengadakan mesyuarat dengan agensi penguat kuasa sebelum LKAN atau laporan PAC mengenainya dibentangkan di Parlimen.

"Saya menggerakkan tindakan untuk bermesyuarat dengan agensi penguatkuasa serta agensi pusat kerajaan Persekutuan untuk menentukan pelanggaran atau kecuiaan di pihak penjawat awam supaya tindakan segera dapat dilaksanakan.

"Antaranya ketika LKAN 2016 Siri 1, sebelum pembentangan atau sebaik saja ia dibentangkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah bertindak terhadap beberapa pegawai dalam agensi tertentu," katanya.



25. Audit: 3 agensi Kedah ditegur

ALOR SETAR: Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016 Siri 2 mendapati kelemahan dalam pengurusan aktiviti oleh tiga jabatan dan agensi kerajaan negeri Kedah dari segi pengurusan dan kawal selia.

Pengauditan itu dilaksanakan terhadap Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

"Penemuan audit ke atas mendapati Pengurusan Hartanah Baitulmal (MAIK) adalah rekod pemilikan hartanah tidak diselenggara dengan cekap; tanah tidak dimanfaatkan dengan berkesan kerana tiada polisi berkenaan saiz pegangan tanah.

"Selain itu, pertambahan harga jualan tanah tanpa persetujuan pengurusan tertinggi MAIK serta pengurusan sewaan sawah padi dan rumah kedai yang lemah termasuk ketidakcekapan dalam pengurusan kutipan sewa," kata laporan itu.

Laporan itu turut menegur MBAS membabitkan Pengurusan Penyenggaraan Landskap apabila mendapati objektif penyenggaraan landskap tidak tercapai sepenuhnya dan tidak memuaskan.

"Pihak audit mendapati pengurusan landskap kejur di 20 taman permainan mengalami kerosakan dan tidak diselenggara manakala landskap kejur Rumah Pangsa Taman Seri Gemilang, di sini, di bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 7 tidak diserahkan kepada kerajaan negeri dan tidak diselenggara.

"Bagi kerja inventori pokok juga mengambil masa yang lama kerana masih menggunakan kaedah konvensional. Malah pengurusan rekod jualan dan sewa pokok hiasan di tapak semaian tidak diselenggara dengan baik," menurut laporan itu.

Pihak audit juga mendapati PKNK Hotels Sdn Bhd (PKNK Hotels) mempunyai tiga kelemahan iaitu jumlah penyewaan bilik hotel serta seminar dan penyediaan makanan mencatatkan pengurangan terutama daripada sektor kerajaan.

"Terma rujukan Pengerusi dan Lembaga Pengarah tidak dibuat secara bertulis dan rancangan korporat tidak disediakan, sekali gus tidak mempunyai hala tuju yang jelas dalam hal berkaitan pendapatan dan keuntungan," katanya.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 itu juga menegaskan pengauditan mendapati pengurusan hartanah Baitulmal MAIK dan Pengurusan Penyenggaraan Landskap MBAS adalah tidak memuaskan.

"Manakala, berdasarkan analisis prestasi kewangan PKNK Hotels secara keseluruhannya adalah memuaskan," katanya.



26. Kedudukan kewangan kerajaan Sabah baik

Kota Kinabalu: Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2 memaklumkan kedudukan kewangan kerajaan Sabah pada 31 Disember 2016 adalah baik dan mencatatkan peningkatan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri.

Berdasarkan laporan itu, Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM276.74 juta atau 13 peratus daripada RM2.14 bilion pada 2015 kepada RM2.41 bilion pada tahun lalu.

Akaun Hasil Disatukan pula mencatatkan lebih sejumlah RM66.58 juta, menjadikan baki terkumpul meningkat kepada RM3.74 bilion pada tahun 2016.

Dalam laporan itu juga mencatatkan Akaun Amanah Disatukan menunjukkan penurunan baki debit berjumlah RM210.16 juta menjadi baki debit berjumlah RM1.33 bilion, berbanding RM1.54 bilion pada 2015.

Jumlah keseluruhan pelaburan meningkat kepada RM8.54 bilion pada 2016 dengan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun kepada RM814.32 juta pada 2016, berbanding RM817.54 juta pada 2015.

Selain itu, tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM30.76 juta berbanding tunggakan RM30.18 juta pada tahun sebelumnya, manakala tunggakan hasil meningkat sejumlah RM399,301 kepada RM493.79 juta pada 2016.

Pada keseluruhannya, Laporan Ketua Audit Negara mendapati Penyata Kewangan kerajaan Sabah menunjukkan gambaran benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

Sehingga 30 Jun 2017, kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri bagi tahun 2016 adalah baik dengan 24 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) sudah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2016 dalam tempoh ditetapkan untuk diaudit.

27. Audit: Tiada kajian pasaran bagi peralatan penyelamat

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara menemui kelemahan berkaitan tiada kajian pasaran dibuat Emergency Medical Rescue Services (EMRS) bagi peralatan penyelamat bernilai keseluruhan RM12.12 juta.

Laporan Ketua Audit Negara 2016 yang dikeluarkan hari ini mendapati kelemahan dalam kaedah perolehan serta pengurusan operasi jentera membabitkan kekangan guna tenaga EMRS dan penggunaan sebahagian peralatan yang menjejaskan kecekapan pengurusan keseluruhan.

"Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus menyatakan kajian pasaran hendaklah dibuat bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sebelum sesuatu rundingan dijalankan bagi memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat 'best value for money'.

"Trend harga pembelian dalam urusan perolehan hendaklah diambil kira serta dijadikan sebagai panduan.

"Berdasarkan semakan terhadap Daftar Aset pada 30 Disember 2016, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mencatat harga EMRS yang lebih rendah iaitu RM36,500 berbanding harga kontrak berjumlah RM60,609 atau RM12.12 juta bagi keseluruhan peralatan itu.

"Ini menunjukkan perbezaan sejumlah RM24,108 atau 39.8 peratus seunit atau perbezaan keseluruhan berjumlah RM4.82 juta bagi 200 unit kenderaan EMRS.

"Berdasarkan minit Mesyuarat Pra Rundingan Harga dan Mesyuarat Rundingan Harga bertarikh 12 April 2013, tiada kajian pasaran bagi peralatan itu dibuat bagi memastikan harga yang dicadangkan dalam kontrak adalah berpatutan," menurut laporan itu.

Berdasarkan Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus, harga anggaran jabatan, harga tawaran asal syarikat dan harga dipersetujui hendaklah disenaraikan secara terperinci mengikut item atau komponen perolehan atau lain-lain format mengikut kesesuaian.

"Semakan Audit mendapati tawaran asal syarikat adalah pada harga RM537,100 seunit manakala harga anggaran JBPM adalah RM500,000 seunit.

"Berdasarkan minit Mesyuarat Rundingan Harga bertarikh 12 April 2013, mesyuarat bersetuju untuk menetapkan harga sebuah kenderaan EMRS pada RM490,000 seunit. Namun tiada butiran dan justifikasi penurunan harga berjumlah RM47,100 diperincikan daripada harga tawaran asal syarikat.

Sementara itu, pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2017 mendapati EMRS berfungsi mengikut tujuan ia diwujudkan, agihan jentera dibuat dengan teratur dan kekerapan penggunaan jentera EMRS juga menunjukkan peningkatan setiap tahun.

Berdasarkan lapan bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur termasuk hal berkaitan bon pelaksanaan dan bayaran pendahuluan, pelantikan pegawai penerima dibuat dengan memuaskan, pengurusan Perjanjian Persefahaman adalah teratur manakala prosedur operasi borang dibuat mengikut ketetapan. Selain itu, pemantauan juga telah dilaksanakan dengan baik.

28. Audit: Pengurusan memuaskan, bayaran mengecewakan

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara memperakui pengurusan Tabung Modal Pusingan-Jabatan Pembangunan Koperasi (TMP-JPK) memuaskan dari aspek permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman serta penyediaan cagaran pinjaman memenuhi syarat dan prosedur ditetapkan.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 2016 yang dijalankan antara Disember 2016 hingga April 2017 mendapati TMP-JPK memenuhi objektif penubuhannya dalam menyalurkan dana kepada koperasi bagi membiayai projek yang diusahakan.

Bagaimanapun, laporan mendapati soal pengurusan bayaran balik, tindakan undang-undang dan mekanisme pemantauan tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan dengan berkesan.

"Kegagalan mengutip bayaran balik pinjaman bagi 526 akaun berstatus pinjaman tidak berbayar (NPL) membabitkan jumlah RM239.56 juta boleh menjejaskan operasi pengeluaran pinjaman TMP-JPK.

"Sebanyak 12 koperasi tidak pernah membuat bayaran balik berjumlah RM3.32 juta. Sembilan daripada koperasi itu tamat tempoh bayaran balik masing-masing.

"Begitupun, tiada tindakan undang-undang dimulakan ke atas peminjam ingkar walaupun 40 akaun dengan nilai NPL RM11.23 juta dicadangkan untuk dikenakan tindakan undang-undang pada Jun 2014.

"Di samping itu, tindakan merampas cagaran peminjam tidak diambil bagi mendapatkan baki bayaran dan tiada pemantauan kemajuan fizikal projek/aktiviti dilaksanakan kerana masalah kekurangan kakitangan," menurut laporan itu.

Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan TMP-JPK, Suruhanjaya Koperasi Nasional (SKM) mencadangkan mekanisme pemantauan dikaji semula, membabitkan SKM di negeri/wilayah dalam membantu pemantauan, khususnya bagi mendapatkan semula tunggakan bayaran balik pinjaman.

"SKM turut menetapkan dasar pengenalan cagaran yang bersesuaian terhadap pinjaman di bawah RM50,000 bagi mengurangkan risiko pinjaman tidak berbayar oleh koperasi.

"Ini termasuk mengambil tindakan undang-undang seperti mencairkan cagaran pinjaman atau tindakan saman sivil bagi penghutang yang gagal membuat bayaran balik pinjaman dan mengambil tindakan terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti ditetapkan," katanya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak melihat buku laporan pada majlis penyerahan rasmi surat pelantikan Ketua Nexus Produktiviti dan pelancaran Laporan Produktiviti Suku Tahunan di Parlimen, hari ini.

29. Audit: Kadar produktiviti buruh lebih tinggi daripada sasaran

KUALA LUMPUR: Produktiviti buruh meningkat sebanyak 4.2 peratus bagi suku ketiga tahun ini, berdasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 6.2 peratus dan kadar pertumbuhan guna tenaga sebanyak dua peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, kadar produktiviti buruh itu lebih tinggi daripada sasaran purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.7 peratus yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Beliau berkata, peningkatan produktiviti buruh disumbangkan oleh empat sektor utama iaitu pertanian sebanyak 5.2 peratus, pembuatan (5.1 peratus), pembinaan (4.8 peratus) dan perkhidmatan (3.7 peratus).

"Mesyuarat Produktiviti Negara (MPN) hari ini juga memutuskan soal produktiviti akan dijadikan sebahagian daripada agenda nasional yang diberi keutamaan tinggi oleh kerajaan dengan kerjasama pihak industri, swasta dan badan lain.

"Secara keseluruhannya, pencapaian produktiviti buruh setakat ini memberangsangkan dan ia selari dengan hasrat kerajaan untuk mencapai ekonomi yang didorong oleh produktiviti.

"MPN percaya kadar pencapaian berkenaan dapat dikekalkan untuk menghasilkan kadar pertumbuhan ekonomi yang mapan serta bersifat inklusif yang akan memberi manfaat kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan rasmi surat pelantikan Ketua Nexus Produktiviti dan pelancaran Laporan Produktiviti Suku Tahunan di Parlimen, hari ini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Terdahulu Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat MPN kali kedua dengan mesyuarat pertama berlangsung Mei lalu.

Mei lalu, tiga Nexus Produktiviti daripada subsektor elektrik dan elektronik (E&E), kimia dan produk kimia serta peruncitan, makanan dan minuman ditubuhkan.

Hari ini enam lagi Nexus Produktiviti ditubuhkan iaitu bagi agro-makanan, jentera dan peralatan (M&E), pelancongan, penjagaan kesihatan swasta, perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan nasional.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat hari ini memutuskan supaya Majlis Pemantauan Produktiviti Kebangsaan (NOPC) yang dipengerusikan Menteri MITI dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan diserap di bawah MPN bagi memantau pelaksanaan di peringkat nexus supaya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan Blueprint Produktiviti Malaysia.

Beliau berkata, mesyuarat juga bersetuju ke atas pelan tindakan bagi subsektor E&E dengan empat strategi utama dengan 13 inisiatif digariskan untuk dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Bagi membolehkan pemantauan yang efektif, MPN juga memutuskan supaya pencapaian produktiviti buruh dipantau dan dilaporkan secara suku tahunan.

"Oleh itu, Biro Statistik Buruh Malaysia di bawah Jabatan Perangkaan Malaysia akan menerbitkan data produktiviti buruh suku tahunan dengan penerbitan pertama dilancarkan hari ini," katanya.

Sementara itu, Najib mahu industri dan perusahaan mengambil peluang ke atas program yang disediakan oleh Nexus Produktiviti yang bertindak sebagai pusat kecemerlangan bagi perkara berkaitan dengan peningkatan produktiviti di peringkat sektor dan perusahaan.

Beliau berkata, setiap Nexus akan diperuntukkan geran pelancaran sejumlah RM5 juta untuk menjalankan aktiviti awal dan Nexus dijangka akan menjana sumber kewangannya sendiri.

Katanya, terdapat sekurang-kurangnya 89 program kerajaan sedia ada boleh digunakan oleh industri dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9.5 bilion bagi tempoh 2017 hingga 2020.

Perdana Menteri turut menyerahkan surat pelantikan kepada empat Pengerusi Nexus Produktiviti bagi subsektor iaitu Dr Nungsari Ahmad Radhi (agro makanan), Mac Ngan Boon (M&E), Uzaidi Udani (pelancongan) dan Choo Kok Beng (perkhidmatan profesional).



30. Audit: Wujud kelemahan pengurusan projek RUMAWIP

KUALA LUMPUR : Wujud kelemahan dalam aspek pengurusan penjualan tanah, pengurusan permohonan dan pemantauan projek untuk Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 2016 yang dikeluarkan hari ini mendedahkan lima kelemahan ditemui iaitu penjualan tanah bagi tiga projek dibuat kepada pihak tidak berwibawa dan tidak disokong dengan justifikasi yang jelas.

Laporan turut menyebut, tiada bukti menunjukkan penilaian tanah berasaskan jualan dibuat bagi Residensi Desa Satumas menyebabkan harga tawaran dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah harga pasaran berjumlah RM24.07 juta.

"Pengecualian caj pembangunan berjumlah RM3.68 juta untuk 274 unit pangsapuri harga bebas bagi Residensi Gurneymas tidak selaras dengan Dasar RUMAWIP.

"Bagaimanapun, pengecualian tersebut oleh Datuk Bandar adalah selaras dengan kuasa mengikut Kaedah 7 di dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013," menurut laporan itu.

Kelemahan lain dikesan, faedah lewat bayar harga pembelian tanah berjumlah RM3.19 juta bagi dua projek sudah dikecualikan di mana mengikut penjelasan Kementerian Wilayah Persekutuan, keputusan itu dipersetujui selepas mengambil kira kesediaan pemaaju untuk mematuhi syarat yang ditetapkan oleh DBKL.

Bagaimanapun, pengauditan dijalankan di Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL antara Januari hingga Mei lalu mendapati objektif program sudah dicapai kerana Kementerian Wilayah Persekutuan berjaya menyediakan 52,562 unit atau 107.3 peratus berbanding 49,000 unit yang disasarkan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

Bagi memperbaiki kelemahan itu, laporan itu mensyorkan supaya DBKL perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan jualan tanah secara bidaan supaya memperoleh pulangan terbaik bagi tujuan pembangunan projek RUMAWIP.

Kementerian Wilayah Persekutuan pula hendaklah menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang komprehensif meliputi jualan tanah secara bidaan, kaedah pemilihan pemaju yang berwibawa, pemantauan terhadap pemaju berhubung penapisan permohonan yang layak dan pengurusan data dalam portal yang boleh dipercayai sebagai panduan dan rujukan.

"DBKL hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pemaju yang gagal melaksanakan obligasinya seperti ketetapan perjanjian dengan membatalkan tawaran atau menyenaraihitamkan pemaju terbabit," menurut laporan itu.



TAN Sri Dr Madinah Mohamad

31. 240 syor Laporan Audit Negara 2016 Siri 2

KUALA LUMPUR: Sebanyak 240 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2016 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen hari ini bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil di peringkat persekutuan dan negeri.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 74 syor dikemukakan terhadap aktiviti kementerian/jabatan dan badan-badan berkanun persekutuan, 36 syor (pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan) serta 130 syor bagi pengurusan aktiviti kementerian/jabatan/agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri.

Beliau berkata, sebanyak 19 pengauditan prestasi dan lapan pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan bagi LKAN 2016 Siri 2 itu.

"Di peringkat negeri, 25 pengauditan prestasi dan 11 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dijalankan. Pengauditan merangkumi pelbagai bidang, antaranya, pengurusan program, pembinaan, penyenggaraan dan naik taraf, perolehan serta pengurusan syarikat," katanya dalam kenyataan kepada Bernama.

Katanya, laporan itu juga meliputi pengesahan penyata kewangan badan berkanun persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain, pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan serta penyata kewangan kerajaan negeri dan prestasi kewangan agensi bagi tahun 2016.

Madinah berkata, pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 145 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2016 iaitu 133 badan berkanun persekutuan, 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua agensi lain.

Beliau berkata sebanyak 126 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran; Pendapat Tanpa Teguran dengan Emphasis of Matters (12); Pendapat Berteguran (empat) dan satu Pendapat Bertentangan, manakala dua penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 September 2017 kerana kelewatan mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap.

Bagi pengauditan terhadap 310 Penyata Kewangan kerajaan negeri dan agensi kerajaan negeri pula, katanya, sebanyak 287 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Audit Tanpa Teguran.

"Sebanyak lapan penyata kewangan telah diberikan Pendapat Audit berdasarkan 'Emphasis of Matter' dan 15 penyata kewangan pula telah diberikan Pendapat Audit Berteguran," katanya.

Katanya, lapan penyata kewangan masih dalam proses pengauditan kerana kelewatan agensi mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap selain baki tiga penyata kewangan masih belum dikemukakan oleh agensi kepada pihak Audit untuk pengauditan.

Madinah berkata, Jabatan Audit Negara akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen, hari ini.

Katanya, kandungan dan sinopsis LKAN 2016 Siri 2 itu boleh dilayari dalam laman sesawang Jabatan Audit Negara di <http://www/audit.gov.my> mulai hari ini.



32. Audit: Prestasi kewangan, tadbir urus TVAH kurang memuaskan

KUALA LUMPUR: Al Hijrah Media Corporation (TVAH), stesen televisyen bersiaran Islam pertama di negara ini ditegur kerana prestasi kewangan, pengurusan akaun belum terima, amalan tadbir urus dan pengurusan kewangan serta pengurusan aktiviti utama yang kurang memuaskan.

TVAH, sebuah Syarikat Berhad menurut jaminan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang terbabit dalam aktiviti tidak bermotifkan keuntungan dengan melaksanakan aktiviti melalui sumber kewangan disalurkan Jabatan Perdana Menteri.

Bagi tempoh 2010 hingga 2016, geran berjumlah RM333.40 juta disalurkan kepada TVAH. Dana ini digunakan bagi perbelanjaan operasi dan pengurusan syarikat.

Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 2 yang dikeluarkan semalam mendapati prestasi kewangan TVAH kurang memuaskan kerana merekodkan kerugian sebelum cukai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.

Pengauditan yang dijalankan pada Oktober 2016 hingga Februari lalu sebelum disusuli Mei lalu turut mendapati pengurusan akaun belum terima TVAH adalah kurang memuaskan kerana mengambil purata antara 107 hingga 256 hari untuk mengutip hutang.

"Amalan tadbir urus dan pengurusan kewangan TVAH juga kurang memuaskan kerana terdapat amalan yang tidak selaras dengan amalan tadbir urus terbaik, ketidakpatuhan prosedur kewangan dan prosedur perolehan syarikat.

"Pengurusan aktiviti utama daripada aspek rating penonton dan pendapatan jualan masa siaran membabitkan dua bidang yang diaudit adalah kurang memuaskan," menurut laporan itu.

Antara penemuan audit yang perlu diberi perhatian adalah terhadap objektif TVAH untuk menjadi penyiar yang mendidik, menghibur dan menyatupadukan ummah yang dilihat kurang berkesan kerana

peratusan rating penonton yang rendah, malah pendapatan jualan masa siaran sebenar juga masih tidak mencapai sasaran.

Selain itu, proses penilaian rancangan yang lemah menyebabkan penilaian perolehan rancangan baharu dibuat dengan tidak konsisten, keberhasilan rancangan yang kurang berkualiti dan menarik, rancangan yang dibeli tidak dapat disiarkan dan wujud elemen pembaziran.

Ketiadaan wakil ahli Lembaga Pengarah Bebas TVAH yang mempunyai latar belakang industri penyiaran yang memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti/program TVAH juga disifatkan Jabatan Audit Negara sebagai isu yang perlu diberi perhatian.

Sehubungan itu, bagi memastikan TVAH memenuhi tujuan penubuhannya, Jabatan Audit Negara mengesyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah TAVH memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- i. melaksanakan strategi dan pelan tindakan yang lebih agresif bagi meningkatkan lagi rating penonton dan pendapatan jualan masa siaran. Ini bagi mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada geran kerajaan;
- ii. mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menyeluruh dalam perolehan rancangan baru supaya mendapat nilai terbaik daripada perbelanjaan yang dibuat.
- iii. mewujudkan pematuhan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan dalam pengurusan penghutang dan hutang lapuk
- iv. melaksanakan amalan tadbir urus yang baik terutamanya daripada segi pemantauan Lembaga Pengarah, penyediaan SOP bagi aktiviti utama syarikat, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan melaksanakan kawalan dalaman yang berkesan.

33. Audit: Prestasi kewangan THTS baik, pengurusan penghutang kurang cekap

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara memperakui pengurusan TH Travel & Services Sdn Bhd (THTS), syarikat subsidiari milik penuh TH Hotel dan Residence Sdn Bhd memuaskan dari aspek aktiviti pakej umrah dan amalan tadbir urus.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 2016 terhadap pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan Persekutuan yang mengambil kira pengauditan antara Januari hingga Mei lalu mendapati secara keseluruhan prestasi kewangan THTS adalah baik.

THTS yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan pengangkutan di air, laut dan udara membabitkan aktiviti menguruskan pakej umrah, pelancongan, pakej haji, charter haji (pengangkutan) dan penjualan tiket mencatatkan keuntungan sebelum cukai setiap tahun pada 2014, 2015 dan 2016 yang disumbangkan oleh lima aktiviti utama terutama umrah.

"Keuntungan terkumpul juga mencatatkan peningkatan berturut-turut bagi tempoh tiga tahun ini," kata laporan itu.

Bagaimanapun THTS ditegur kerana kurang cekap dalam menguruskan penghutang perniagaan walaupun aliran tunai bersih berbaki positif.

Laporan itu turut menjelaskan terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan oleh THTS yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 1965.

Antaranya, sasaran bilangan jemaah umrah dan pendapatan yang ditetapkan pada 2016 adalah tinggi berbanding 2015, sekali gus mengakibatkan pencapaian sebenar yang rendah iaitu kurang daripada 60 peratus.

Selain itu, kajian keberkesanan tidak dijalankan terhadap setiap kaedah pengiklanan dan pemasaran dan sebanyak 48 bayaran deposit berjumlah RM194,821 di Pejabat Cawangan Selborn dan Kuala Lumpur masih tidak dapat dikeluarkan resit, walaupun diterima antara satu hingga 208 hari (Oktober 2014 hingga Mac 2017).

Keadaan itu mengakibatkan amaun berkenaan tergantung dalam penyata penyesuaian bank, sekali gus akaun tunai terkurang dinyatakan.

Bagi memastikan objektif penubuhan THTS dapat dicapai sepenuhnya, Jabatan Audit Negara mengesyorkan THTS mengambil beberapa tindakan antaranya menetapkan sasaran bilangan jemaah dan pendapatan pakej umrah yang lebih realistik dengan mengambil kira faktor luar dalam menyediakan perancangan tahun semasa.

THTS turut disaran menjalankan kajian keberkesanan ke atas setiap kaedah pengiklanan berbayar yang dibuat untuk memastikan maklumat ini sampai kepada pelanggan sedia ada dan pelanggan baharu, dan menerima pakai amalan baik untuk meningkatkan tadbir urus dan pengurusan kewangan terutama dalam aspek pengeluaran resit dan pengurusan penghutang.

Bagi pengeluaran resit, THTS hendaklah berusaha dengan lebih agresif bagi mencari jalan penyelesaian untuk memudahkan pengeluaran resit kepada pelanggan pakej umrah kerana perkara ini berlarutan untuk tempoh yang panjang.

Selain itu, Unit Kawalan Kredit THTS hendaklah menggunakan Sistem Perakaunan ABACUS sebagai alat untuk mengawal penghutang daripada meningkat, sekali gus mengelakkan masalah hutang lapuk terus berlaku.



MENTERI Pertanian dan Sumber Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (kiri) melihat sebuah katil ketika mengadakan lawatan selepas merasmikan Simulasi Pengurusan Banjir di Pusat Perpindahan Banjir daerah Kemaman di Kampung Pasir Gajah.

34. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedia disiasat

CHUKAI: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengalu-alukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat kemungkinan berlaku ketirisan dan penyalahgunaan bantuan baja bersubsidi.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata beliau tidak menafikan kemungkinan berlaku ketirisan dan penyalahgunaan bantuan baja subsidi di bawah kementeriannya, justeru, kementeriannya terbuka untuk disiasat.

Katanya, siasatan menyeluruh boleh dilakukan oleh SPRM atau PDRM terhadap mana-mana pihak atau individu yang bertanggungjawab melakukan penyelewengan itu.

"Saya akan memberi kerjasama penuh dalam siasatan itu sehingga individu yang bersalah dihadapkan ke muka pengadilan," katanya selepas merasmikan Simulasi Pengurusan Banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Kampung Pasir Gajah, hari ini.

Ahmad Shabery berkata, beliau tidak menafikan kemungkinan berlaku ketirisan kerana kementeriannya itu antara kementerian yang paling banyak menyediakan peruntukan subsidi.

"Mungkin ada pihak yang tidak layak menerima bantuan membuat tuntutan atau ada pihak menguruskannya," katanya yang mengulas pendedahan media berhubung kegiatan sindikit menjual baja dan racun bersubsidi termasuk melakukan tuntutan palsu.

Sementara itu, Ahmad Shabery berkata, seramai 3,400 orang penduduk di Kemaman sudah mengambil perlindungan Insuran Kampung Ku bagi menghadapi kemungkinan banjir di kawasan masing-masing.

"Insurans terbabit amat penting sekiranya berlaku musibah banjir, mangsa akan diberi RM1, 000 dan bayarannya akan dibayar dalam tempoh seminggu namun mereka perlu membayar sebanyak RM74 setahun.

"Bagaimanapun, di Kemaman penduduk hanya perlu membayar RM50 manakala RM24 lagi ditambah oleh Pejabat Parlimen Kemaman. Insurans ini adalah sebagai satu persediaan jika berlaku sebarang bencana terhadap orang ramai daripada menanggung kerugian," katanya.



35. Kerugian forex RM31.5b halang ekonomi berkembang

KUALA LUMPUR: Kerugian sebanyak RM31.5 bilion yang ditanggung dalam tempoh 1992 hingga 1994 daripada dagangan tukaran wang asing (forex) menghalang peluang ekonomi negara berkembang dengan lebih pesat.

Laporan Suruhanjaya Siasatan Untuk Menyiasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing Oleh Bank Negara Malaysia (BNM) Sekitar Tahun 1990 mendedahkan kerugian itu juga menjejaskan keupayaan BNM memenuhi peranannya sebagai bank pusat.

"Oleh itu kerugian forex berkenaan mempunyai kesan yang besar terhadap ekonomi negara," menurut laporan setebal 524 muka surat yang dibentangkan di Parlimen, hari ini.

Siasatan suruhanjaya yang diberi tempoh tiga bulan bermula 15 Julai lalu mendapati BNM menanggung kerugian pada tahun 1992, 1993 dan 1994 disebabkan urus niaga forex pada 1990-an.

Kesimpulan yang dicapai melalui keterangan saksi dan dokumen disemak suruhanjaya antaranya, suruhanjaya tidak ragu-ragu mengenai ketepatan laporan siasatan dalaman BNM bertajuk Accounting Treatment of Losses Arising from Active Reserve Management 1988-1994, yang menyatakan dengan jelas bahawa kerugian sebanyak RM31.5 bilion ditanggung akibat dagangan forex.

"Jumlah kerugian itu selaras dengan kerugian terkumpul sebanyak RM12.35 bilion untuk tahun 1992 yang dinyatakan dalam Internal Audit Report, kerugian RM15.29 bilion untuk 1993 seperti yang dinyatakan dalam surat oleh Ketua Audit Negara dan kerugian RM3.86 bilion untuk tahun 1994 seperti dilaporkan dalam Minit Lembaga BNM ke-438 pada 15 Februari 1995.

"Jumlah kerugian juga disokong oleh keterangan saksi. Penyedia 'Accounting Treatment Report' menegaskan bahawa BNM mengalami kerugian RM31.5 bilion. Penyedia 'Internal Audit Report' mengulangi bahawa jumlah kerugian pada tahun 1992 adalah RM12.35 bilion," kata laporan itu.

Penemuan itu adalah sebahagian daripada siasatan suruhanjaya bagi menentukan kesahihan dakwaan mengenai kerugian akibat urus niaga forex yang dialami BNM sekitar tahun 1990-an serta implikasinya kepada ekonomi negara.



DATUK Mohamed Khaled Nordin

36. Khaled akan jawab dakwaan rasuah dalam sesi penggulungan

ISKANDAR PUTERI: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, menegaskan beliau tidak akan lari dan akan menjawab semua dakwaan rasuah kononnya diterima beliau pada sesi penggulungan perbahasan Bajet 2018, Isnin ini.

Mohamed Khaled berkata, perkara yang sedang dibicarakan dalam mahkamah tidak sepatutnya dibangkitkan wakil rakyat di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Isu lain saya pada Isnin ini, saya akan jawab (ketika) gulung sebab benda (dakwaan) itu dibangkitkan dalam dewan.

"Sebenarnya perkara yang sedang dalam perbicaraan mahkamah tidak boleh cakap di luar (DUN).

"Saya takkan lari ke mana-mana. Saya ada di sini (untuk jawab)," katanya ketika ditemui selepas selesai sesi soal jawab pada Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Johor ke-13 di Kota Iskandar, di sini hari ini.

Ahad lalu, sebuah laman blog memuat naik lebih 140 halaman dokumen siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang turut disertakan jadual transaksi wang didakwa diberikan kepada Mohamed Khaled.

Pada Isnin lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senai, Wong Shu Qi, diarah keluar daripada Persidangan DUN Johor, selepas enggan menarik balik kenyataan yang dikeluarkan ketika membahaskan ucapan yang bertanya mengenai kesahihan maklumat dalam dokumen dalam blog berkenaan.

SPRM dilaporkan membuat laporan polis, semalam berhubung kebocoran dokumen, selain menjelaskan jadual pembayaran yang dimuat naikan di media sosial yang dikaitkan dengan siasatan sengaja diadakan untuk mengelirukan masyarakat.

Semalam, perunding hartanah yang juga Orang Kena Tuduh (OKT) bagi kes rasuah dan penggubahan wang haram membabitkan bekas EXCO Johor, membuat laporan polis berkenaan dokumen siasatan SPRM terhadapnya yang menjadi viral.

Amir Shariffuddin Abd Raub, 44, dalam laporan polisnya memaklumkan sudah membuat semakan dengan peguamnya dan selepas meneliti dokumen itu menunjukkan terdapat perbezaan nyata dengan kenyataannya kepada SPRM ketika itu.